

Rujukan Kami : TNB/PK/(PL/PF) 1/14/9

Tarikh : 31 Ogos 2011

Kepada : **Pengarah Urusan**  
**Millennium Freight (M) Sdn Bhd**  
F-145, Block A, Forwarders Building  
KLAS Cargo Complex  
Southern Support Zone  
64000 KLIA, Sepang  
Selangor



Tuan,

**PERLANTIKAN SEBAGAI PANEL MULTIMODAL TRANSPORT OPERATOR  
(MTO) TENAGA NASIONAL BERHAD UNTUK PERKHIDMATAN UDARA**

---

Rujukan : Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

---

Lanjutan Sebagai Panel MTO TNB : Berdasarkan pemeriksaan dan penilaian perkhidmatan yang telah dijalankan sepanjang tempoh satu (1) tahun (30 Ogos 2010 – 28 Ogos 2011), syarikat tuan telah memperolehi skor 97 peratus. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad bersetuju melanjutkan tempoh opsyen syarikat tuan sebagai panel MTO TNB selama satu (1) tahun bermula 31 Ogos 2011 hingga 30 Ogos 2012.

---

Syarat-syarat perlantikan : Sehubungan itu, syarikat tuan perlu memastikan syarat-syarat mandatory yang ditetapkan seperti di bawah dipatuhi sepanjang tempoh perlantikan. Ketidakpatuhan kepada mana-mana syarat akan menyebabkan perlantikan sebagai panel ditamatkan.

- i. Berdaftar dengan TNB
- ii. Berstatus MTO
- iii. Mempunyai pejabat milik sendiri yang beroperasi di lapangan terbang utama iaitu KLIA.
- iv. Merupakan agen yang berdaftar dengan Kastam DiRaja Malaysia terutama di Kuala Lumpur dan Selangor.
- v. Mempunyai rekod yang baik dengan TNB, Kastam dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan

- vi. Memiliki sendiri gudang am (tertutup) untuk menyimpan peralatan TNB.
- vii. Mempunyai minimum 2 pekerja tetap yang lulus ujian asas agen kastam yang disahkan oleh akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL)

---

Stesen Kastam & Skop Perkhidmatan : Tempoh lanjutan opsiyen sebagai panel MTO TNB sahaja sah untuk stesen kastam dan jenis perkhidmatan seperti berikut:

- i. Semua lapangan terbang di Malaysia bagi perkhidmatan udara.


---

Penilaian Prestasi : Prestasi syarikat tuan akan dinilai berdasarkan Pekeliling Bahagian Perolehan TNB yang memberi focus kepada dua (2) Key Performance Indicator (KPI) iaitu “timeliness” dan “quality of services”. Sekiranya syarikat tuan gagal mencapai markah minimum mandatori yang ditetapkan (80%) di dalam penilaian KPI ini, perlantikan syarikat tuan sebagai panel MTO TNB akan ditamatkan.

---

Sekian, terima kasih.

**“TNB PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA”**

  
**Hj. Syed Roslin bin Syed Abdul Rahman**  
**Pengurus Besar (Perkhidmatan Logistik)**  
Bahagian Perkhidmatan Korporat  
TENAGA NASIONAL BERHAD